

SUKARELAWAN KERAH TENAGA BERBAKTI KEPADA NEGARA

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Selasa, 17 Ogos. - Berikut penularan jangkitan wabak COVID-19 gelombang kedua di negara ini, ramai para sukarelawan tampil bersatu, berganding bahu menyumbangkan bakti kepada rakyat dan negara dengan memberikan sokongan kepada Kementerian Kesihatan.

Kebanyakan para sukarelawan yang tampil ini adalah melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di mana ia adalah sangat menggalakkan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan demikian semasa sesi soal jawab bersama para perwakilan media, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian

Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat berkata, kepentingan penglibatan para sukarelawan sebagai tulang belakang kepada petugas barisan hadapan, dari segi tugas *clinica*, di mana terdapat lebih 20 doktor dan jururawat yang sudah bersara juga dari sektor swasta yang tampil ke hadapan, para petugas Medical Reception Station (MRS), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang sudah bersara juga tampil ke hadapan untuk sama-sama bersatu bagi memastikan pengawalan penularan wabak COVID-19 ini terkawal.

"Dari sektor swasta adalah, seperti JPMC dan PJSC, di mana lebih 10 doktor ketika ini sedang bekerjasama bagi menghulurkan bantuan walaupun perkhidmatan mereka juga diperlukan, di JPMC

dan PJSC, tetapi keadaan pada masa kini lebih memerlukan mereka," ujar Yang Berhormat.

"Sukarelawan ini, bukan sahaja daripada golongan belia, tetapi juga daripada orang ramai, terutama sekali mereka yang sudah bersara, pada masa ini," terang Yang Berhormat.

Sukarelawan dari segi *non-clinical* pula adalah lebih ramai, ujar Yang Berhormat, di mana setakat ini, mempunyai lebih 5,000 orang yang sedang menjalani kuarantin dan makanan mereka perlu disediakan.

Menurut Yang Berhormat, banyak juga melalui agensi-agensi lain bergabung untuk memastikan kehidupan mereka yang dikuarantin ini, terutama sekali makan dan minum mereka adalah terjaga.

"Alhamdulillah, sambutan sukarelawan ini sangat menggalakkan kerana tanpa mereka, ia akan menyukarkan

pihak kerajaan sekiranya tiada bantuan yang diberikan oleh mereka ini," tambah Yang Berhormat.

"Dengan adanya Whole of Nation Approach ini, pihak kerajaan, agensi-agensi yang berkenaan, orang ramai dan sukarelawan telah tampil ke hadapan dan insyaaAllah kita dapat berusaha dengan lebih yakin dan gigih untuk mengawal keadaan yang ada pada masa ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat, seterusnya menyatakan, setakat ini, terdapat beratus sukarelawan sahaja, jika dibandingkan dengan tahun lalu, kini seramai beribu sukarelawan dan diberikan tugas-tugas yang tertentu.

Tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga menyeru lebih ramai sukarelawan dapat tampil menyertai pasukan bantuan kesihatan COVID-19.

Menurut Yang Berhormat, sukarelawan yang dididik, dilatih atau yang mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan belia dan masyarakat. Selain memberikan khidmat tanpa mengharap balasan / ganjaran



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

material, seseorang sukarelawan juga mesti mempunyai sesuatu yang hendak disumbangkan atau dikongsi dengan orang, seperti tenaga fizikal, kemahiran, pengalaman, pengetahuan dan sebagainya.

Jelas Yang Berhormat lagi, sebahagian besar sukarelawan tidak berpengalaman dengan keadaan kecemasan dan akan cuba memberi bantuan, mengikut keupayaan atau kepakaran yang dimiliki oleh belia yang menjadi sukarelawan.

Tarikh peperiksaan ditunda, majlis konvokesyen bertangguh



YANG Berhormat Menteri Pendidikan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, Selasa, 17 Ogos. - Dengan nasihat dan kerjasama Kementerian Kesihatan dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Pendidikan turut memberi perhatian berat terhadap kesejahteraan dan keselamatan warga pendidikan, khususnya

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

komuniti sekolah juga perhatian terhadap hal ehwal pengajaran dan pembelajaran juga dalam menghadapi musim-musim peperiksaan.

Perkara tersebut, antara yang dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat, dalam kenyataannya turut menjelaskan, peperiksaan-peperiksaan yang akan dijadualkan berlangsung, pada tahun ini, iaitu Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), yang dijadualkan bermula pada Khamis, 14 Oktober 2021 adalah ditunda ke Selasa, 16 November 2021, tertakluk pada perkembangan situasi penularan jangkitan COVID-19 di NBD.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, Peperiksaan Brunei Cambridge International General Certificate of Secondary Education (IGCSE); Brunei Cambridge General Certificate of Education

(BC GCE) 'O', 'AS' dan 'A' Level pula, adalah masih dalam penelitian dan perundingan bersama badan-badan peperiksaan berkenaan.

Peperiksaan akhir tahun juga, tambah Yang Berhormat, akan sama ada ditunda atau dibatalkan, tertakluk pada perkembangan keadaan penularan jangkitan COVID-19.

Pihak Kementerian Pendidikan, menurut Yang Berhormat, akan mengongsikan maklumat terkini mengenai peperiksaan-peperiksaan tersebut dari semasa ke semasa, melalui saluran rasmi Kementerian Pendidikan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut memaklumkan, bahawa Majlis Sambutan Hari Guru; Majlis Konvokesyen / Hafl Al-Takharruj; dan Pesta Konvo / Mahrajan Hafl Al-Takharruj bagi Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB), Tahun 2021 adalah ditangguhkan pelaksanaannya ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Guru, tenaga pengajar digalakkan ambil suntikan vaksin

BERAKAS, Selasa, 17 Ogos. - Setakat hari ini, seramai 60 peratus guru dan tenaga pengajar, di negara ini, sekurang-kurangnya mendapat suntikan dos pertama vaksin COVID-19.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman semasa sesi soal jawab, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan

di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat, seterusnya berkata, Kementerian Pendidikan memberikan galakan kepada guru-guru dan tenaga pengajar untuk mengambil suntikan vaksinas.

Sementara itu, bagi guru-guru dan pelajar-pelajar yang masih lagi menjalani kuarantin, jelas Yang Berhormat, ia adalah tertakluk pada keadaan kesihatan mereka jika mengizinkan

untuk mengadakan *online learning*.

Tambah Yang Berhormat, sekiranya mereka mempunyai kemudahan-kemudahan, mereka adalah digalakkan untuk mengadakan *online learning* agar pembelajaran para pelajar tidak terjejas dan para guru boleh terus untuk melaksanakan tugas-tugas mereka, tetapi jika keadaan mereka tidak mengizinkan, mereka akan dikecualikan.

HPL tidak akan dilaksanakan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BERAKAS, Selasa, 17 Ogos. - Memandangkan penularan wabak COVID-19 adalah berada di peringkat komuniti, Home Pack Learning (HPL) tidak akan dilaksanakan hingga keadaan mengizinkan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, menjelaskan perkara tersebut, dalam sesi soal jawab, pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kaedah pembelajaran dan semua bahan yang diperlukan oleh para pelajar hanya akan diberikan secara dalam talian melalui telefon bimbit, komputer atau komputer riba.

Dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat, tambah Yang Berhormat, di mana pinjaman komputer riba diberikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan, mengikut kriteria-kriteria keutamaan dan ini merupakan salah satu inisiatif untuk mengurangkan lagi beban-beban para pelajar yang memerlukan.

Berkenaan dengan murid-murid dan pelajar-pelajar, di bawah Unit Pendidikan Khas, Yang Berhormat menjelaskan, pada masa ini, ia merupakan satu cabaran bagi pendidikan khas kerana pembelajaran bersama murid-murid dan pelajar-pelajar berkenaan memerlukan *contact* dan *hands-on*.

Memandangkan keadaan kesihatan tidak mengizinkan, jelas Yang Berhormat, ia tidak diadakan, tetapi yang akan dilaksanakan pada masa akan datang, iaitu setelah keadaan mengizinkan ialah mereka akan diberikan *enhanced interaction* dan sokongan pembelajaran (*learning support*) yang diperlukan, agar apa sahaja *learning deficit* akan dikurangkan.

Ini, menurut Yang Berhormat, bukan sahaja untuk pendidikan khas, tetapi juga seluruh pendidikan, di mana *learning deficit* terjadi, di seluruh dunia dan semua institusi pendidikan seluruh dunia, pada masa ini, mengkaji bagaimana kita boleh mengurangkan jurang berkenaan dan bagaimana untuk mengatasinya.

"Ini cabaran yang dihadapi walaupun setelah dunia dapat mengatasi COVID-19. Dari segi pendidikan, *learning deficit* akan sentiasa dipantau dan kita harus mengurangkan jurang tersebut agar pembelajaran dan pendidikan anak-anak setanding dengan usia mereka," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut menambah, ia juga merupakan salah satu objektif Kementerian Pendidikan, iaitu dengan mengadakan program sokongan pembelajaran (*learning support program*).

Kementerian Pendidikan, jelas Yang Berhormat, memerlukan kerjasama dan dedikasi daripada para pengajar dan ibu bapa agar anak-anak tidak mempunyai *learning deficit* yang tinggi.

Menyentuh mengenai jumlah murid-murid dan pelajar-pelajar, di bawah Unit Pendidikan Khas, Yang Berhormat menjelaskan, terdapat kira-kira 600 orang mengikut tahapnya, iaitu tahap empat dan tahap lima, yang memerlukan bantuan yang tinggi, terutama yang *hands-on* kerana mereka ini yang paling terjejas.

Para pelajar tersebut, menurut Yang Berhormat, bukan sahaja memerlukan pengajaran, tetapi juga penjagaan mereka, iaitu *survival skills* dan bukan secara akademik dengan membantu mereka untuk menghadapi kehidupan di masa akan datang.